




CARA PERMOHONAN

Proses Kelulusan Pelan Bangunan



VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi

MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti

JABATAN BANGUNAN



UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :

JABATAN BANGUNAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 6, Jalan Perda Utama

Bandar Perda,

14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang

No. Tel: 04-549 7737

FAX : 04-549 7595

EMAIL : bgn@mpsp.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda

14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



www.mpsp.gov.my

VISI

KE ARAH KECEMERLANGAN KAWALAN PEMBANGUNAN YANG BERTERUSAN BERTERASKAN KEPUASAN PELANGAN

MISI

MEMBERI PERKHIDMATAN KAWALAN PEMBANGUNAN YANG EFISIEN DAN BERKUALITI

PIAGAM PELANGAN

- Siap proses pelan bangunan jenis skim dan kompleks perniagaan dalam tempoh 37 hari daripada tarikh surat permohonan dari OSC (Urusetia Pusat Setempat)
- Mengeluarkan keputusan terhadap pelan bangunan dalam tempoh 2 hingga 6 minggu mengikut kategori permohonan dari tarikh syarat dipatuhi
- Memproses dan meluluskan pelan bangunan rumah kediaman (3 unit dan kebawah) dalam tempoh 3 hari
- Memproses dan meluluskan pelan pindaan dan tambahan rumah kediaman dalam tempoh 1 hari
- Memproses dan meluluskan pelan tambahan dan pindaan kecil rumah kediaman dalam taman perumahan (Buku Panduan) dalam tempoh 1 hari

PERKHIDMATAN JABATAN BANGUNAN

- Memproses Pelan Bangunan :-
 - Skim dan Kompleks Perniagaan
 - Bukan Jenis Skim (4 Unit kebawah)
 - Pelan Tambahan dan pindaan
 - Pelan Permit kecil Bangunan / Buku Panduan
- Mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki.
- Menerima Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- Memproses/rekod Pelan Struktur Bangunan.
- Memproses/rekod Pelan Sanitari Dalaman.

- Memproses dan mengeluarkan kebenaran membaiki bangunan.
- Memantau segala binaan yang terdapat dalam kawasan Seberang Perai.
- Memberi Ulasan Teknikal berkaitan bangunan/ binaan kepada Jabatan Dalaman/Luaran.
- Mengambil tindakan ke atas binaan tanpa kebenaran / aduan.
- Memberi kelulusan pelan bangunan segera melalui program transformasi untuk rumah kediaman.

TANGGUNGJAWAB UTAMA JABATAN BANGUNAN

MEMPROSES:-

- 1. Pelan Bangunan Skim Perumahan/Perniagaan/Perindustrian.**
 - (Pelan cadangan pembangunan baru & Pelan Pindaan)
- 2. Pelan bangunan Individu - Komersial/Kediaman/ Perindustrian.**
 - (Pelan cadangan pembangunan baru/ Pelan Pindaan/Binaan Tanpa Kebenaran).
- 3. Pelan Sanitari Dalaman** (Untuk Rekod Jabatan)
- 4. Pelan Struktur** (Untuk Rekod Jabatan)
- 5. Pelan Permit Pindaan Kecil Bangunan**
- 6. Pelan Permit Sementara Berkaitan Bangunan:-**
 - Permit Kanopi
 - Permit Papan Dendeng ('Hoarding') & Pejabat Tapak
 - Permit Membaiki Rumah
- 7. Semua Proses Pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.**



PERMOHONAN MELALUI PROGRAM TRANSFORMASI

1. Pelan Bangunan Individu (Rumah Kediaman 3 Unit Ke Bawah) - **Kelulusan 3 hari.**
2. Pelan Pindaan dan Tambahan (Bangunan telah mendapat kelayakan menduduki) **Kelulusan 1 hari.**
3. Pelan Pindaan Dan Tambahan Kecil Bangunan Buku Panduan - **Kelulusan 1 Hari.**

MAKLUMAT PERMOHONAN PELAN BANGUNAN

1. Borang permohonan pelan bangunan boleh didapati dengan melayari www.mpsp.gov.my pada bahagian Muat Turun Borang/Permohonan Pelan Bangunan. Antara borang yang terlibat:
 - i) Borang SKP1
 - ii) Borang SKP1a
2. Permohonan Pelan Bangunan harus dikemukakan oleh Arkitek / Jurutera / Pelukis Pelan Berdaftar.
3. Permohonan pelan bangunan harus mempunyai **Kelulusan Kebenaran Merancang** terlebih dahulu, **kecuali** bagi permohonan di kawasan Perindustrian PDC, permohonan rumah kediaman sesebuah dan permohonan pindaan kecil bangunan.
4. Semua jenis permohonan pelan bangunan yang lengkap harus melalui Urusetia Pusat Setempat (OSC).

